

Penyampai : YBHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : PERASMIAN BANGUNAN AKADEMIK BARU KAMPUS INTAN WILAYAH SELATAN
Lokasi : INTAN WILAYAH SELATAN
Tarikh : 14-01-2002

Bismillahirrahmanirrahim.

Saudara pengerusi majlis,

Yang Berbahagia Dato' Seri Jamaluddin bin Ahmad Damanhuri,

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia,

Yang Berbahagia, Dato` Ir Zaini bin Omar, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia, Yang Berbahagia, Dr. Zulkurnain bin Hj. Awang, Pengarah INTAN,

Yang Berbahagia, Dato' Ir. Haji Mohd Nor bin Yaacob, Pengarah Kerja Raya Johor

Dato' Seri / Dato` - Dato'/ Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera; Pendahuluan

1. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita melafazkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya, dapat kita bersama-sama pagi ini menyempurnakan perasmian bangunan akademik baru Kampus INTAN Wilayah Selatan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada INTAN kerana sudi menjemput saya menyaksikan majlis penyerahan bangunan ini dan seterusnya merasmikannya.

Dato' Seri / Dato'-Dato' /Tuan-tuan dan Puan-puan

2. Salah satu teras utama wawasan negara yang digubal di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) dan Rancangan Malaysia Kelapan ialah mengukuhkan pembangunan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap, produktif dan berpengetahuan. Ini selaras dengan cabaran negara masakini khususnya, dan dunia umumnya, dalam menangani kesan dari globalisasi dan liberalisasi serta kemajuan pesat dalam bidang ICT. Cabaran penting di hadapan kita ialah untuk mengekal dan mempertingkatkan keupayaan daya saing dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Bagi memastikan kemampuan daya saing itu, kita perlu membangunkan sumber manusia (human capital) yang berilmu dan mempunyai kemahiran yang tinggi menggunakan teknologi terkini. Kita perlukan sumber manusia yang cekap, berdisiplin dan berkemahiran tinggi dengan nilai etika dan moral yang kukuh serta sanggup berusaha untuk mencapai kecemerlangan. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan ini, maka asas pendidikan dan latihan dalam perkhidmatan yang berkualiti perlu dilaksanakan.

3. INTAN sebagai institusi latihan kerajaan yang utama perlu sentiasa berada di hadapan dalam melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh kesungguhan dan komitmen yang tinggi.

Berpandukan prinsip ini, saya lihat INTAN telah menunjukkan kemampuan serta keupayaan untuk memandang jauh ke hadapan. Ini adalah selaras dengan slogan INTAN `selangkah di hadapan' untuk membangunkan keperluan fizikal bagi menampung lebih ramai anggota perkhidmatan awam mendapat peluang latihan dan kemahiran dalam pelbagai bidang; terutamanya bidang kewangan, kualiti, ICT dan bahasa antarabangsa. Kampus INTAN Wilayah Selatan ini, saya difahamkan akan dikenali juga sebagai kampus penerapan nilai dan kecergasan. Program sebegini amat sesuai dijalankan bagi mencapai hasrat kerajaan melahirkan pegawai awam yang sihat dari segi jasmani dan rohani di samping memiliki, menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai murni yang unggul dalam kehidupan harian mereka.

Dato' Seri / Dato`-Dato'/Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Memang menjadi keutamaan kerajaan untuk meningkatkan kemudahan dan infrastruktur serta

mempergiatkan penggunaan ICT di sekolah, pusat pengajian tinggi dan juga institusi latihan seperti INTAN ini. Ini semua adalah untuk memperlengkapkan diri kita supaya dapat terus cemerlang dan berdaya saing walaupun dalam keadaan yang tidak menentu sepertimana kita lalui semasa krisis matawang pada akhir 1990an. Dunia hari ini penuh dengan keadaan yang tidak menentu sepertimana kata Mark Haynes Daniels dalam bukunya 'World of risk: next generation strategy for a volatile era'. " we are now living in a world of rising risk and increasing volatility". Seterusnya beliau berkata " "many risks at a world level are now characterized by a recurring pattern of newly globalized threat"

5. Kita amat bersyukur kerana mempunyai prasarana latihan yang lengkap bagi memenuhi permintaan dari anggota perkhidmatan awam. INTAN harus lebih proaktif dalam mempromosikan dirinya sebagai pusat latihan yang dapat menjana budaya kerja cemerlang di kalangan anggota perkhidmatan awam.

Hasrat ini tidak dapat dilaksanakan seandainya terdapat kekurangan pada prasarana, walaupun mempunyai jurulatih- jurulatih yang berkemahiran dan berpengalaman dalam segala bidang.

6. Kehendak-kehendak baru oleh pelanggan INTAN amat memerlukan perubahan dan penyesuaian dijalankan secara berterusan agar kecemerlangan perkhidmatan dapat dikekalkan untuk menghadapi situasi yang lebih mencabar dan kompetitif. INTAN perlu mengubah pendekatan dalam memberi latihan. INTAN mampu dan harus bertindak sebagai penyelesaian masalah atau memberi perkhidmatan perundingan kepada agensi- agensi kerajaan dalam bidang-bidang tertentu, contohnya dalam pengurusan kewangan. Kursus-kursus yang berbentuk generic, yang mana sesetengahnya boleh dibuat secara on- line dan sebagainya mungkin boleh dikurangkan. Dalam situasi yang kita hadapi sekarang, fokus INTAN hendaklah ditumpukan kepada aspek-aspek perancangan projek, pengurusan projek dan pengurusan kewangan. Bidang-bidang ini perlu terus diberi penekanan oleh INTAN dalam jangka masa terdekat. Kursus-kursus perancangan projek perlu memberi penekanan kepada kepentingan penyediaan projek- projek pembangunan dengan penjadualan yang tersusun rapi bagi memastikan kelewatan pelaksanaan tidak terus berulang. Selain itu, INTAN perlu mengkaji dan merumuskan semula modul-modul kursus pengurusan projek dan pengurusan kewangan serta mempasti mereka yang benar-benar terlibat dalam tugas-tugas yang berkenaan menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan. Ketua-ketua jabatan perlu memberi kerjasama agar pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidang- bidang tersebut tidak dihalang dari mengikuti kursus-kursus yang di tawarkan. Ini diharap akan re-enforce pengalaman- pengalaman yang diperolehi ditempat kerja dan seterusnya memantapkan kecekapan pegawai-pegawai yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan.

Seiring dengan itu, INTAN juga mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memperkenalkan inovasi-inovasi baru dalam mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan pelanggan selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan Malaysia mempunyai pekerja yang berdaya saing dan berinovatif.

7. Di samping dapat memberikan keselesaan kepada pelanggan INTAN, bangunan akedemik baru ini juga diharapkan dapat memberikan keselesaan dan semangat lebih tinggi kepada warga kampus ini untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dan mempertingkatkan taraf kecekapan dan kualiti kerja mereka.

8. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak INTAN kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.

9. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim; saya dengan sukacitanya merasmikan bangunan akademik baru INTAN Kampus Wilayah Selatan, Kluang, Johor.

Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalaamu'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Terima kasih.